

12 JUN 2002

Mahathir-Makanan/I

SAJIAN MENYELERAKAN, CABARAN KEPADA PERDANA MENTERI DALAM PENGEMBARAANNYA

Oleh: Mahrus Ibrahim

GENEVA, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu daripada kebimbangan beliau semasa lawatan-lawatan ke luar negara ialah terlalu banyak sajian yang menyelerakan.

Perdana Menteri berkata oleh kerana beliau sentiasa dihidangkan makanan yang enak-enak, beliau menghadapi masalah untuk mengelakkannya.

"Biasanya saya hanya makan separuh, tetapi sekali-sekala saya berkata kepada diri saya, mengapa tidak," kata beliau di pertemuan dengan anggota-anggota Persatuan Malaysia Geneva di sini, malam tadi.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menjawab pertanyaan seorang wanita apa rahsia di sebalik awet muda dan kecergasan beliau.

Dr Mahathir berkata bagi seseorang yang mendekati usia 77 tahun, beliau rasa bangga apabila ditanya soalan itu.

"Saya rasa anda juga ingin tahu pil apa yang saya ambil. Ya, saya mengambil banyak pil vitamin.

"Seorang jurujual dikatakan memberitahu para pelanggannya yang beliau menjual pil yang digunakan oleh Dr Mahathir. Mungkin itu gimik jualannya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau juga kemungkinan mewarisi awet muda daripada ibu bapanya.

"Ini kerana apabila ayah saya meninggal dunia pada usia 82 tahun, usia lanjutnya itu tidak jelas sangat padanya dan beliau masih mempunyai rambut hitam dan begitu juga dengan ibu saya semasa meninggal dunia."

"Bagaimanapun nampaknya adik beradik lelaki saya tidak mewarisinya kerana mereka tidak kelihatan muda," beliau berseloroh.

Dan nasihat beliau kepada wanita muda yang bertanya soalan itu ialah: "Makan apa yang anda suka, tetapi jangan makan banyak."

-- BERNAMA

MAI PR